

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	03 JUNE 2017

# 'Sempit pemikiran jika tolak pelaburan'

BH- 3/6/2017 pg. 2

➔ Usaha dibuat demi kepentingan rakyat Malaysia: PM

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak menegaskan beliau tidak akan meminta maaf kerana membantu memudahkan pelaburan di Malaysia.

Perdana Menteri berkata, ia berikutan semua usaha yang dilakukannya adalah demi kepentingan rakyat Malaysia dan rakan dari luar negara.

Beliau juga menegaskan tidak sekali akan menjual kedaulatan ne-

gara seperti didakwa oleh pembangkang.

"Hubungan kerjasama yang terjalin antara Malaysia dan China tidak akan menyebabkan kedaulatan negara dikompromi, walaupun sedikit.

## Malaysia negara terbuka

"Malaysia sudah lama menjadi negara yang terbuka dan mesra kepada semua negara sehingga menjadi destinasi pilihan pelaburan langsung asing sama ada dari Jepun, China, India dan Arab Saudi.

"Adalah kurang cerdik dan sempit pemikiran kerajaan jika menolak semua pelaburan ini dan ia juga satu kesilapan asas dalam ekonomi yang mana akan memburukkan lagi keadaan Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran pembukaan China Construction Bank (Malaysia) Bhd (CCB) di sini, semalam.

Yang turut hadir Pengerusi CCB, Wang Hongzhang.

Najib berkata, ada sesetengah pihak berfikir bahawa adalah lebih baik memiliki syarikat yang rugi tetapi 100 peratus milik Ma-

laysia daripada mempunyai pegangan lebih kecil namun mendapat akses kepada pasaran lebih besar, boleh dikembangkan dan teknologi canggih.

"Jika saya bertanya yang mana satu akan mencipta lebih banyak kemakmuran dan pekerjaan di Malaysia? Jawapannya sudah terang lagi bersuluh.

"Kepada pengkritik yang berkata

'terlalu banyak, terlalu pantas, terlalu drastik', saya ingin mengatakan ini.

"Jika anda mahu menanggungkan pembangunan Malaysia atau jika mahu Malaysia ketinggalan di belakang dan jika anda tidak mahu peluang pekerjaan dicipta atau tahap pendapatan meningkat, maka sila gunakan 'modal' ini untuk berkempen," katanya.

Mengulas mengenai penubuhan

cawangan CCB di negara ini, Perdana Menteri berkata, bank komersial terbesar di China bercahng menjadikan Malaysia sebagai habnya di rantau ASEAN.

## Lesen bank asing pertama selepas 6 tahun

"Pembukaan CCB di negara ini juga menyaksikannya menjadi bank asing pertama diberi lesen perbankan sejak enam tahun lalu.

"Bank ini berjaya memenuhi keperluan Akta Syarikat 2016, Akta Perkhidmatan Kewangan 2016 dan peraturan serta garis panduan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Bank Negara Malaysia. Tah-niah diucapkan," katanya.

Najib berkata, penubuhan cawangan bank itu di Malaysia hadir tepat pada masanya selepas berakhirnya Belt and Road Forum for International Cooperation (BRF) di Beijing, bulan lalu.

Justeru beliau berharap bank itu dapat menjadi antara satu daripada banyak bank yang akan membantu membiayai projek baharu syarikat di Malaysia.

## Bantuan sambut Aidilfitri

**Kuala Lumpur:** Kerajaan berse-  
taju memberikan Bantuan Khas  
Kewangan sebanyak RM500 ke-  
pada kira-kira 1.6 juta penjawat  
awam sebagai persiapan meny-  
ambut Aidilfitri, tahun ini.

Kementerian Kewangan dalam  
satu kenyataan berkata, bantuan  
khas itu akan turut dinikmati  
hampir 775,000 pesara kerajaan  
sebagai menghargai jasa perkhid-  
matan mereka dengan jumlah  
bayaran sebanyak RM250.

Katanya, bantuan khas itu akan  
diberikan sebelum 9 Jun ini.

"Bantuan Khas Kewangan ke-  
pada penjawat awam dan pesara  
kerajaan ini membabitkan ang-  
garan peruntukan kewangan se-  
banyak RM1 bilion.

"Kerajaan berharap pemberian  
bantuan khas ini dapat mering-  
gankan beban kewangan kepa-  
da penjawat awam dan pesara  
bagi persiapan Aidilfitri," kata ke-  
nyataan itu, semalam.